



## GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2020 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

### PROSEDUR PENGEMUKAAN BORANG NYATA TERPINDA

<b>1. Pengenalan</b>
<p><b>1.1</b> Seksyen 77B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) / seksyen 30B Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP 1967] membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata (BN) / Borang Nyata Petroleum (BNP) yang telah dikemukakan dengan menggunakan Borang Nyata Terpinda (BNT).</p>
<b>2. Pengemukaan BNT</b>
<p><b>2.1 Peraturan</b></p> <p>2.1.1 Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri dengan melaporkan maklumat tambahan dan meminda taksiran dalam BN / BNP berhubung dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. pendapatan terkurang lapor / tidak lapor;</li> <li>b. perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntutan; atau</li> <li>c. elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntutan.</li> </ul> <p>2.1.2 Pindaan tidak dibenarkan sekiranya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah membuat taksiran pindaan di bawah peruntukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>~ seksyen 91 ACP 1967 dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh yang ditetapkan ACP 1967 bagi pengemukaan BN; atau</li> <li>~ seksyen 39 APCP 1967.</li> </ul> <p>2.1.3 Pindaan hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi sesuatu tahun taksiran.</p>

## 2.2 Syarat-syarat

2.2.1 BN / BNP asal telah dikemukakan dalam tempoh seperti ditetapkan (seperti Jadual 1) dan tiada kesilapan pengiraan cukai \*.

\* **Nota:** Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan cukai dalam BN / BNP asal dan BNT belum dikemukakan, KPHDN boleh membangkitkan taksiran pindaan di bawah peruntukan seksyen 91 ACP 1967 / seksyen 39 APCP 1967, dan ini akan membatalkan kelayakan yang membolehkan pembayar cukai mengemukakan BNT bagi tahun taksiran berkenaan [ Rujuk perenggan 77B(6)(b) ACP 1967 / perenggan 30B(6)(b) APCP 1967].

**Jadual 1 : Tarikh akhir pengemukaan BN mengikut kategori pembayar cukai**

Kategori Pembayar Cukai	Jenis BN	Tarikh Akhir Pengemukaan BN mengikut Subseksyen 77A(1) ACP 1967	Kategori Pembayar Cukai	Jenis BN	Tarikh Akhir Pengemukaan BN mengikut Subseksyen 77(1) ACP 1967
i. Syarikat	C	<b>7 bulan dari tarikh tutup akaun</b>	i. Individu pemastautin	BE, B / BT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>TIDAK menjalankan perniagaan:</b> <b>30 April</b> dalam tahun berikutan tahun taksiran berkenaan</li> <li>• <b>Menjalankan perniagaan:</b> <b>30 Jun</b> dalam tahun berikutan tahun taksiran berkenaan</li> </ul>
ii. Perkongsian liabiliti terhadap	PT		ii. Individu bukan pemastautin	M / MT	
iii. Koperasi	C1		iii. Harta pusaka	TP	
iv. Badan amanah	TA		iv. Keluarga sekutu Hindu	TJ	
v. Unit amanah / Amanah harta tanah	TC		v. Pertubuhan	TF	
vi. Amanah pelaburan harta tanah / Tabung amanah harta	TR				
vii. Amanah perniagaan	TN				
Kategori Pembayar Cukai	Jenis BNP	Tarikh Akhir Pengemukaan BNP mengikut Subseksyen 30(1) APCP 1967 [Produksi]			
viii. Orang yang boleh dikenakan cukai (petroleum)	CPP	<b>7 bulan dari akhir tempoh asas untuk tahun taksiran berkenaan</b>			

## 2.2.2 Tempoh pengemukaan BNT:

BNT hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir pengemukaan BN / BNP.

**Jadual 2 : Contoh tempoh pengemukaan BNT mengikut kategori pembayar cukai.**

	Kategori Pembayar Cukai	Tahun Taksiran	Tarikh Ditetapkan ACP 1967 / APCP 1967 bagi Pengemukaan BN / BNP	Tempoh Pengemukaan BNT
Contoh 2a:	Syarikat • Tarikh tutup akaun: 31 Oktober 2018	2018	31 Mei 2019	1 Jun 2019 hingga 30 November 2019
Contoh 2b:	Orang yang boleh dikenakan cukai (petroleum) • Tarikh tutup akaun: 31 Disember 2018	2018	31 Julai 2019	1 Ogos 2019 hingga 31 Januari 2020
Contoh 2c:	Individu pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan	2018	30 April 2019	1 Mei 2019 hingga 31 Oktober 2019
Contoh 2d:	Individu pemastautin yang menjalankan perniagaan	2018	30 Jun 2019	1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019

## 2.2.3 BNT yang lengkap hendaklah:-

- menyatakan amaun / amaun tambahan pendapatan bercukai dan amaun cukai / cukai tambahan atas pendapatan bercukai;
- menyatakan amaun cukai yang kena dibayar atas cukai yang tersilap atau tersilap dibayar balik;
- menyatakan jumlah kenaikan seperti ditentukan mengikut subseksyen 77B(4) ACP 1967 / subseksyen 30B(4) APCP 1967; atau
- mengandungi maklumat lain seperti dikehendaki oleh KPHDN.

2.2.4 BNT yang dikemukakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 77B ACP 1967 / seksyen 30B APCP 1967 akan diterima mengikut peruntukan di bawah seksyen 91A ACP 1967 / seksyen 39A APCP 1967.

## 2.3 Kaedah pengemukaan

2.3.1 BNT berserta nota panduan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM di <http://www.hasil.gov.my> > Borang > Muat Turun Borang.

2.3.2 Pengemukaan BNT yang lengkap boleh dibuat melalui:-

i) e-Filing (ezHasil > e-Filing> e-Borang > e-BNT C)

**Nota:** Untuk pembayar cukai syarikat sahaja

ii) Kaunter cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing.

## 2.4 Kaedah pengiraan cukai / cukai tambahan dan kenaikan cukai

### Pengemukaan BNT dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir ditetapkan ACP 1967 bagi pengemukaan BN

Cukai kena dibayar	50,000.00
--------------------	-----------

**Tolak:**

Cukai dahulunya kena dibayar	40,000.00
------------------------------	-----------

A Cukai / Cukai tambahan dikenakan	10,000.00
------------------------------------	-----------

B <b>Borang nyata terpinda yang dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan BN</b> ( A x 10%)	1,000.00
---	----------

Jumlah cukai kena dibayar ( A + B )	11,000.00
-------------------------------------	-----------

### Pengemukaan BNT dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir ditetapkan APCP 1967 bagi pengemukaan BNP

Cukai kena dibayar	52,000,000.00
--------------------	---------------

**Tolak:**

Cukai dahulunya kena dibayar	50,000,000.00
------------------------------	---------------

A Cukai / Cukai tambahan dikenakan	2,000,000.00
------------------------------------	--------------

B <b>Borang nyata terpinda yang dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukaan BNP</b> ( A x 10%)	200,000.00
--	------------

Jumlah cukai kena dibayar ( A + B )	2,200,000.00
-------------------------------------	--------------

## 2.5 Cukai kena dibayar

2.5.1 Cukai kena dibayar (cukai / cukai tambahan termasuk kenaikan cukai) hendaklah dijelaskan pada tarikh BNT dikemukakan.

2.5.2 Pindaan melalui BNT juga tertakluk kepada kenaikan cukai 10% di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 / subseksyen 49A(12) APCP 1967 jika terdapat perbezaan yang melebihi 30% di antara cukai sebenar mengikut BNT dengan anggaran cukai asal / anggaran cukai dipinda.

**Contoh :** Tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 selepas BNT dikemukakan.

Cukai asal : RM5,000,000.00 ( A )		
Anggaran cukai asal : RM4,000,000.00 ( B )		
Perbezaan antara cukai asal dengan anggaran asal ( A – B ) = RM1,000,000.00		
Tidak tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 kerana 1,000,000 / A = 20%		
<b>C</b>	Cukai kena dibayar (tidak ambil kira kenaikan cukai subseksyen 77B ACP 1967)	RM 7,000,000.00
	<b>Tolak:</b> Anggaran cukai asal ( B )	4,000,000.00
<b>D</b>	Perbezaan di antara cukai kena dibayar (cukai sebenar mengikut BNT) dengan anggaran cukai asal ( C – B ) <i>Nota: Tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 kerana 3,000,000 (D) / 7,000,000 (C) = 43% iaitu melebihi 30%</i>	3,000,000.00
<b>E</b>	30% daripada cukai kena dibayar ( 30 % x C )	2,100,000.00
<b>F</b>	Perbezaan ( D – E )	900,000.00
	Kenaikan cukai subseksyen 107C(10) ACP 1967 [ F x 10% ]	90,000.00

## 3. Pembatalan

Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Operasi Bil. 4 Tahun 2019 yang telah dikeluarkan pada 30 Ogos 2019.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 6 Mac 2020